

PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN MELALUI APLIKASI TELEGRAM: TINJAUAN TERHADAP PERSEPSI PELAJAR DAN JUGA HALANGAN

Mohammad Hazrul Bin Md Jori

hazruljori@gmail.com

Program Teknologi Automotif, Kolej Vokasional Taiping

Abstrak

Pandemik COVID-19 telah memberi cabaran baru pada guru-guru untuk mempelbagaikan kaedah dan medium pembelajaran demi memastikan pelajar tidak ketinggalan walaupun hanya berada di rumah. Pembelajaran secara atas talian merupakan kaedah pembelajaran baru yang perlu diikuti oleh semua pelajar semasa perintah kawalan pergerakan (PKP). Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap aplikasi telegram dan juga mengenalpasti halangan untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian di Kolej Vokasional Taiping. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan berbentuk deskriptif dengan pendekatan kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik dibangunkan menggunakan *Google Form* dan perlu diisi oleh responden secara atas talian. Bilangan responden bagi kajian ini adalah seramai 54 orang iaitu terdiri daripada pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dari Program Teknologi Automotif di Kolej Vokasional Taiping. Hasil dapatan kajian persepsi pelajar terhadap aplikasi telegram menunjukkan pelajar bersetuju bahawa maklumat dan bahan pengajaran dalam aplikasi telegram ini mudah untuk di muat turun, membantu mencari maklumat berkenaan tugas, memudahkan untuk menghantar tugas, boleh memberi maklum balas kepada pensyarah, tugas mudah di akses dan bahan pembelajaran boleh disimpan dalam *folder* telegram. Di antara halangan yang dihadapi oleh pelajar untuk mengikuti PdP secara dalam talian pula adalah capaian internet yang perlahan, masalah teknikal dengan aplikasi telegram, persekitaran yang tidak selesa untuk pembelajaran dan terpaksa bekerja. Kajian ini dapat membantu pensyarah untuk menambahbaik mutu pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan memastikan semua pelajar tidak ketinggalan dalam mengikuti proses PdP secara dalam talian.

Kata Kunci: Pembelajaran dalam talian, aplikasi telegram, persepsi, halangan

Abstract

The COVID-19 pandemic has given teachers a new challenge to diversify learning methods and mediums to ensure that students do not fall behind even if they are only at home. Online learning is a new learning method that all students must follow during the movement control order (MCO). The purpose of this study is to identify students' perceptions of the telegram application and also to identify obstacles to following online teaching and learning at Taiping Vocational College. This study uses a descriptive survey design with a quantitative approach that uses a questionnaire as a research instrument. The questionnaire was developed using Google Forms and had to be filled out by respondents online. The number of respondents for this study is a total of 54 people who are Malaysian Vocational Certificate (SVM) students from the Automotive Technology Program at Taiping Vocational College. The results of the study of student's perceptions of the telegram application show that students agree that information and teaching materials in the Telegram application are easy to download, help find information about assignments, make it easy to send assignments, can give feedback to lecturers, assignments are easy to access and materials learning can be saved in the telegram folder. Among the obstacles faced by students to follow TnL online are slow internet access, technical problems with the telegram application, an uncomfortable environment for learning, and having to work. This study can help lecturers to improve the quality of online teaching and learning and ensure that all students do not fall behind in following the TnL process online.

Key word: online learning, telegram application, perception, obstacles.

Semenjak Covid-19 telah diistiharkan sebagai sebagai pandemic global pada 11 mac 2020 oleh oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) banyak negara telah melaksanakan darurat bagi mengekang penularannya (WHO, 2020). Malaysia tidak terkecuali daripada menerima impak sehingga banyak sektor sama ada kerajaan atau swasta telah di tutup bermula 18 mac 2020 bagi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut peruntukan dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 344) (Wan Ya Shin, 2020). Akibat kesan daripada pengistiharaan ini, rakyat Malaysia terpaksa menjalani kehidupan dalam normal baharu dan salah satu sektor yang sangat terkesan adalah sektor pendidikan sama ada di peringkat rendah atau pengajian tinggi. Dalam tempoh PKP ini proses pengajaran dan pembelajaran terpaksa dilaksanakan secara dalam talian dan ini membawa cabaran kepada pendidik dan pelajar bagi mengubah method pengajaran bersemuka kepada secara talian untuk meneruskan proses PdP.

Bagi melaksanakan proses PdP secara dalam talian ini, banyak kaedah pembelajaran yang menggunakan teknologi telah dikembangkan oleh para pendidik berdasarkan kreativiti dan inovasi mereka bagi memastikan pengajaran disampaikan dengan penuh berkesan. Salah satu evolusi dalam teknologi pendidikan yang terkini adalah pembelajaran mudah alih (M-Learning). Menurut Desmond (2002) m-pembelajaran merujuk kepada penyediaan pelajaran dan latihan melalui penggunaan peralatan tanpa wayar seperti PDA, telefon mudahalih dan komputer telapak. Manakala Saedah Siraj, Vijay Kumaran (2006) menyatakan bahawa m-pembelajaran adalah penggunaan peralatan tanpa wayar bagi membolehkan pembelajaran berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Hal ini jelas menunjukkan bahawa m-pembelajaran membolehkan PdP berlaku pada bila-bila masa dan di mana mana sahaja sama ada secara segerak (*synchronous*) dan tidak segerak (*asynchronous*). Segerak adalah bermaksud proses PdP dalam talian yang berlaku serentak atau *real-time* antara guru dan pelajar contohnya *Google Meet*, *Zoom*, *Webex* dan *Microsoft Team*. Manakala tidak segerak adalah proses PdP dalam talian yang bukan berlaku pada waktu yang serentak contoh *WhatsApp*, *Telegram* dan *Google Classroom*. Menurut Pilar et.al (2013), m-pembelajaran sebagai satu langkah positif dalam evolusi teknologi pembelajaran, sebagai respons kepada masyarakat yang kini bersifat dinamik

M-learning tidak dapat lari daripada penggunaan teknologi mudah alih yang merupakan salah satu medium yang paling berkesan dalam proses penyampaian pengajaran kepada pelajar terutamanya semasa era pandemik ini. Penggunaan teknologi mudah alih yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa seperti telefon pintar, tablet dan PDA memudahkan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran serta menarik minat pelajar disamping dapat menjimatkan masa. Menurut Wu et.al, (2010), manfaat pembelajaran melalui teknologi mudah alih banyak memberi fokus kepada moboliti pelajar, strategi pembelajaran, persekitaran yang baik, dan kesedaran berkumpulan maya. Penggunaan teknologi mudah alih ini juga akan dapat memberi kesan positif terhadap keupayaan kognitif pelajar seterusnya meningkatkan motivasi pelajar (Buchori et.al, 2017), sebaliknya jika tidak dirancang dengan baik ia akan memberi kesan negatif kepada pembelajaran (Pedro, Barbosa & Santos, 2018)

Banyak aplikasi yang boleh digunakan dalam teknologi mudah alih untuk pembelajaran yang berkesan seperti facebook, whatsApps, telegram dan sebagainya. Kesemua aplikasi ini sebenarnya boleh disesuaikan dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran. Contohnya pelajar dapat berkongsi maklumat atau berbincangan melalui saluran telegram atau whasApps. Selain itu, tugas kerja mereka juga boleh dihantar melalui aplikasi ini. Menurut Ally dan Prieto-Blazque, (2014), penggunaan teknologi mudah alih dalam pembelajaran ini boleh dianggap sebagai pendidikan masa hadapan pada peringkat pendidikan tinggi. Kebaikan pembelajaran dalam talian dengan menggunakan teknologi mudah alih banyak dibahas oleh oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Menurut Jenal (2017) dengan kemunculan pelbagai teknologi ICT telah mewujudkan medium komunikasi yang membolehkan maklumat-maklumat dapat disalurkan dengan lebih pantas dan berkesan. Hal ini menunjukkan para pelajar tidak akan ketinggalan mengikuti pengajaran dan pembelajaran walaupun dimana mereka berada. Dengan hanya menggunakan teknologi mudah alih seperti laptop, handphone ataupun tablet

serta penggunaan aplikasi yang bersesuaian, pelajar dapat memanfaatkan masa pembelajaran dengan berkesan.

Terdapat beberapa kajian yang dilaksanakan di peringkat pengajian tinggi berkaitan dengan penggunaan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran dan aplikasi yang paling popular digunakan adalah WhatsApp dan Telegram. Mereka bersetuju penggunaan aplikasi ini melalui pembelajaran mudah alih (m-pembelajaran) membantu mereka untuk lebih memahami hasil pembelajaran, meningkatkan imej universiti, berdaya saing dan kebolehpasaran graduan (Syed Lamsah, 2020). Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan di salah sebuah kolej komuniti di Selangor di mana 97% pelajar telah bersetuju terhadap penggunaan telegram sebagai medium pembelajaran sesuai digunakan dalam program mereka (Mohd Zainudin, 2017). Norhafinas et al (2021) mendapati, pelajar lebih suka menggunakan telegram ketika pembelajaran Matematik kerana telegram menggunakan data yang rendah di samping mudah untuk merujuk dan melihat video pembelajaran berulang-ulang kali menerusi aplikasi ini. Kajian yang dilaksanakan oleh Nor Halina et.al (2020) pula, terhadap pensyarah subjek Mata Pelajaran Umum (MPU) dari 96 kolej komuniti Semenanjung Malaysia menunjukkan 39.3 % pensyarah menggunakan telegram, 31.1% menggunakan google classroom dan 29.5% lagi menggunakan aplikasi whatsapp. Kajian Mohammad Nizam (2016) pula menunjukkan para pelajar yang menggunakan aplikasi telegram dalam PdP bersetuju telegram mudah digunakan untuk berkongsi video, nota dan makluman. Justeru, dengan jelas menunjukkan potensi penggunaan aplikasi whatsapp dan telegram merupakan platform yang sangat sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya secara dalam talian.

Banyak kajian-kajian yang lalu yang menunjukkan bahawa aplikasi seperti whatsapp dan telegram berpotensi untuk meningkatkan kemampuan pelajar menguasai hasil pembelajaran. Kajian yang dilaksanakan oleh Syed Lamsah (2017) terhadap pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di Selangor menunjukkan hampir keseluruhan pelajar bersetuju bahawa pembelajaran melalui WhatsApp dan Telegram terhadap membantu pelajar lebih memahami mengenai pencapaian objektif dan hasil pembelajaran. Kajian yang dilaksanakan oleh Malini dan Tan (2020) terhadap 150 orang pelajar sekolah menengah menunjukkan bahawa dari aspek pedagogi, aplikasi WhatsApp dapat memudahkan proses pembelajaran menerusi perkongsian sesama pelajar yang terdapat dalam kumpulan dan perkongsian ini dapat membantu mengatasi sebarang masalah yang di hadapi oleh pelajar yang lain. Dapatan satu kajian terhadap guru-guru tadika Negeri Johor sebanyak 25.7% bersetuju dan 20.3% sangat setuju aplikasi Telegram merupakan medium yang sesuai dan mudah diaplikasi dalam PdPR prasekolah sepanjang PKP (Nur Hazirah & Masayu, 2020). Hal ini menunjukkan penggunaan aplikasi seperti WhatsApp dan Telegram ini mampu menyampaikan isi pembelajaran sama ada secara terus atau sebaliknya di segenap peringkat pendidikan.

Walaupun bagaimanapun, tidak dapat dinafikan untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini terdapat juga pelbagai halangan dan cabaran. Salah satu perkara yang perlu diberikan perhatian apabila melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian adalah dari segi capaian internet. Hal ini kerana mereka terpaksa mengikuti kelas dalam talian dari rumah dan kampung masing-masing. Kebanyakan pelajar yang memperoleh capaian internet yang baik ialah pelajar yang tinggal di kawasan bandar. Manakala, sesetengah pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar mempunyai masalah untuk memperoleh capaian internet yang baik. Menurut Ting (2007), kekurangan kemudahan internet menjadi masalah utama dikalangan para pelajar di mana halangan teknologikal mencatatkan min yang tertinggi dalam kajian beliau. Hal ini menunjukkan tidak semua pelajar mempunyai capaian internet yang baik semasa mereka berada di kampung halaman masing-masing. Sementara itu, kajian oleh Ahmad et.al (2014) menyatakan penggunaan telefon pintar (smart phone) oleh semua golongan pada masa kini membolehkan PdP dijalankan di mana sahaja dengan syarat mempunyai capaian internet yang baik. Justeru, aktiviti PdP akan lebih menarik dan menyeronokkan sekiranya dijalankan dalam talian

Penyataan Masalah

Perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada bulan Mei 2021 baru-baru ini, telah mengakibatkan sektor pendidikan terpaksa ditutup di seluruh Malaysia. Tidak terkecuali di Kolej Vokasional Taiping di mana para pensyarah terpaksa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dengan pelbagai kaedah atau medium pengajaran. Bagi program teknologi automotif yang mempunyai banyak elemen kemahiran amali ini, para pensyarah terpaksa memikirkan alternatif yang bersesuaian supaya proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam proses kerja amali ini dapat di sampaikan dengan berkesan. Salah satu aplikasi yang telah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini adalah aplikasi telegram. Aplikasi telegram dipilih kerana banyak video yang berkaitan kerja amali dapat di muat naik dan ianya dapat disimpan dalam sistem *cloud storage* walaupun saiz fail yang sangat besar. Pelajar juga mudah untuk mengakses maklumat yang disampaikan melalui *telegram channel* kerana penggunaannya sangat mudah. Pelajar dapat melihat berulang kali hanya dengan membuka telefon bimbit mereka kerana maklumat pembelajaran (video/nota/perbualan) dalam aplikasi telegram tidak akan hilang jika terkeluar dari kumpulan. Walaubagaimanapun, penglibatan pelajar dalam kelas sangat tidak memberangsangkan kerana hanya 72 % pelajar hadir dan terlibat dalam proses PdP sepanjang proses PKP. Justeru, kajian ini penting dilaksanakan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap aplikasi telegram dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga halangan untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi menambah baik mutu pengajaran dan pembelajaran.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dikenalpasti, objektif kajian ini ialah untuk:

- i. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap aplikasi telegram dalam pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.
- ii. Menenalpasti apakah halangan untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian

Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1 dibawah menunjukkan kerangka konsep kajian pelaksanaan PdP secara dalam talian menggunakan aplikasi telegram. Kaedah pembelajaran yang dilaksanakan adalah berdasarkan pembelajaran mudah alih (M-learning). M-learning boleh didefinisikan sebagai kaedah pembelajaran yang menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar, tablet dan PDA dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Kukulska-Hulme dan Traxler (2005), M-Learning merupakan satu proses pembelajaran yang memfokuskan kepada transformasi proses pembelajaran tanpa tertakluk kepada lokasi fizikal proses pembelajaran tersebut dijalankan. Dalam kajian ini pelaksanaan PdP dilaksanakan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi telegram. Melalui aplikasi telegram ini guru memuat naik nota penerangan teori dan amali, video amali, video penerangan serta melaksanakan pentaksiran berterusan (PB). Justeru, persepsi pelajar dan halangan dalam mengikuti PdP dalam talian ini perlu diambil kira bagi menambah baik proses PdP dalam talian pada masa akan datang.



Rajah 1 Kerangka Konseptual Kajian

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan deskriptif dengan pendekatan kuantitatif. Rekabentuk kajian ini dipilih kerana bersesuaian dengan objektif kajian ini iaitu mengenalpasti persepsi pelajar terhadap aplikasi telegram dalam pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan juga mengenalpasti halangan untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Pensampelan

Populasi yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar semester 1 dan semester 3 program Teknologi Automotif Sijil Vokasional Malaysia (SVM) di Kolej Vokasional Taiping. Jumlah keseluruhan populasi adalah seramai 60 orang pelajar. Walaubagimana pun, hanya 54 orang pelajar yang menjawab soal selidik yang telah diedarkan secara dalam talian dengan menggunakan *Google Form*. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel 54 orang pelajar adalah berpadanan dengan saiz populasi kajian.

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah diedarkan melalui *Google Form* sebagai instrumen bagi pengumpulan data kajian. Pembinaan instrumen kajian dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan konsep dan pandangan yang dikemukakan penyelidik terdahulu. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A mengandungi maklumat demografi responden, bahagian B mengandungi 11 item berkenaan dengan persepsi pelajar terhadap aplikasi telegram dan bahagian C adalah soalan terbuka berkenaan dengan apakah halangan untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Bagi menganalisis dapatan kajian persepsi pelajar iaitu bahagian B, data dianalisis berdasarkan peratus persetujuan pelajar iaitu setuju, tidak pasti dan tidak setuju. Manakala bahagian C, data dianalisis berdasarkan pernyataan pelajar dalam soalan terbuka soal selidik. Setiap pernyataan yang diberikan oleh pelajar akan di kategorikan kepada tema dan sub-tema halangan.

DAPATAN KAJIAN

Persepsi pelajar terhadap aplikasi telegram dalam pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Jadual 1, menunjukkan persepsi pelajar terhadap aplikasi telegram dalam pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Majoriti pelajar (peratus tertinggi) menunjukkan pelajar setuju (S) bahawa maklumat dan bahan pengajaran dalam aplikasi telegram ini mudah untuk di muat turun (56.8%), membantu mencari maklumat berkenaan tugas (54.1%), memudahkan untuk menghantar tugas (73%), boleh memberi maklum balas kepada pensyarah (64.9%), tugas mudah di akses (70.3%), tidak menghadapi masalah teknikal (48.6%), dan bahan pembelajaran boleh disimpan dalam *folder* telegram (54.1%). Manakala majoriti pelajar (peratus tertinggi) menunjukkan pelajar tidak pasti (TP) bahawa interaksi pensyarah lebih mudah dengan aplikasi telegram (56.8%), aplikasi telegram membolehkan membuat perbincangan (51.4%), tidak memerlukan data internet yang kuat (45.9%) dan aplikasi telegram sebagai medium pembelajaran yang menyeronokkan (56.8%).

Jadual 1


Analisis Bahagian B, Persepsi Pelajar Terhadap Aplikasi Telegram

Bil	Item	Peratus (%)		
		TS	TP	S
1.	Interaksi antara saya dengan pensyarah lebih mudah melalui telegram	8.1	56.8	35.1
2.	Telegram membolehkan saya dan rakan-rakan untuk membuat perbincangan	8.1	51.4	40.5
3.	Mudah untuk saya muat turun (<i>download</i>) bahan pembelajaran yang diberikan oleh pensyarah	10.8	32.4	56.8
4.	Aplikasi telegram membantu saya lebih berdikari dalam mencari maklumat berkenaan tugas	5.4	40.5	54.1
5.	Telegram memudahkan saya menghantar tugas	2.7	24.3	73.0
6.	Telegram tidak memerlukan akses data internet yang kuat	13.5	45.9	40.5
7.	Saya boleh memberi maklum balas pertanyaan pensyarah melalui telegram	0	35.1	64.9
8.	Tugas mudah di akses kerana telegram boleh di buka di laptop dan smartphone	0	29.7	70.3
9.	Saya tidak menghadapi masalah teknikal semasa menggunakan telegram	16.2	35.1	48.6
10.	Saya boleh menyimpan bahan pembelajaran dalam <i>folder</i> yang saya buat dalam telegram	8.1	37.8	54.1
11.	Saya seronok menggunakan telegram sebagai medium pembelajaran di rumah.	5.4	56.8	37.8

Petunjuk: TS=Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti dan S=Setuju

Halangan untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian

Hasil dapatan kajian diringkaskan berdasarkan empat tema halangan yang telah dikenalpasti iaitu halangan untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian berdasarkan soalan terbuka dalam soal selidik seperti dalam rajah 2. Halangan-halangan yang dikenalpasti adalah masalah internet, persekitaran, masalah teknikal dan juga bekerja.



Rajah 2 Tema Halangan Mengikuti PdP dalam Talian

Setiap tema halangan dipecahkan lagi sebagai sub-tema (kategori pernyataan pelajar) seperti yang dinyatakan oleh pelajar-pelajar dalam jadual 2 dibawah. Berdasarkan tema dan sub-tema halangan yang telah dikenal pasti, halangan internet merupakan yang paling tinggi iaitu 50 %, yang kedua adalah halangan teknikal iaitu 20. 3 %, yang ketiga halangan daripada persekitaran iaitu 16.7 % dan yang keempat adalah halangan bekerja iaitu 13 %.

Jadual 2

Analisis Bahagian C, Tema dan Sub-Tema Halangan untuk Mengikuti PdP dalam Talian

Tema Halangan	Sub-Tema Halangan (kategori pernyataan pelajar)	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
Internet	Internet Terlalu Perlahan	14	50
	Internet Tidak Stabil	7	
	Rangkaian Internet Tiada	6	
Persekitaran	Suasana bising dirumah	1	16.7
	Tidak Selesa belajar dirumah	5	
	Adik-beradik tidak membantu (ganggu)	3	
Teknikal	Tidak mahir aplikasi telegram	2	20.3
	Kadang-kadang tidak dapat muat turun bahan pembelajaran	4	
	Telegram tidak boleh buka / Tidak boleh <i>download</i> aplikasi telegram	5	
Bekerja	Terpaksa bekerja kerana ayah suruh bantu	2	13
	Susah belajar dalam talian semasa bekerja	5	

PERBINCANGAN

Hasil daripada data yang diperolehi, majoriti pelajar bersetuju bahawa penggunaan aplikasi telegram dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian memudahkan mereka untuk memuat turun bahan pembelajaran dan membantu mereka untuk mencari maklumat serta memudahkan mereka menghantar tugas. Selain itu, pelajar juga bersetuju aplikasi telegram mudah di akses dan mereka tidak menghadapi masalah teknikal serta bahan pembelajaran mudah disimpan dalam *folder* telegram. Kajian Mohd Zainudin (2017), menyokong dapatan kajian ini yang menyatakan aplikasi telegram memberi kesan positif kepada pelajar. Hal ini kerana penggunaan aplikasi telegram dapat memberi hasil pembelajaran yang lebih menarik kerana memudahkan pelajar untuk mengakses bahan pembelajaran (Rinasih, 2015). Walaubagaimana pun, analisis dari halangan mengikuti PdP secara dalam talian menunjukkan sebaliknya. Data analisis ini menunjukkan, terdapat juga segelintir pelajar yang menghadapi masalah teknikal disebabkan tidak mahir menggunakan aplikasi telegram dan masalah dari aplikasi telegram itu sendiri.

Sebenarnya terdapat juga pelajar yang tidak pasti sama ada aplikasi telegram ini, membantu mereka untuk interaksi dengan pensyarah, membuat perbincangan dengan rakan kelas dan adakah aplikasi telegram ini memerlukan penggunaan data yang kuat. Menurut Lapada et.al (2020) keadaan ini berlaku disebabkan guru dan pelajar sudah terbiasa dengan sesi pembelajaran secara bersemuka dan perkara ini juga berlaku kemungkinan pelajar baru didedahkan dengan aplikasi telegram. Kebanyakan pelajar baru tahu fungsi sebenar aplikasi telegram dan mereka kurang terdedah dengan aplikasi ini kerana interaksi sesama rakan-rakan kelas lebih berfokus kepada aplikasi whatApps dan WeChat.

Dari segi halangan mengikuti pengajaran dalam talian pula, menunjukkan halangan internet merupakan halangan utama dari mengikuti pengajaran dan pembelajaran dirumah. Kebanyakan pelajar menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah capaian internet yang terlalu perlahan dan tidak stabil serta kadang-kadang terdapat juga tiada langsung rangkaian. Sebenarnya masalah internet ini menyukar proses pembelajaran pelajar, kerana pelajar tidak dapat memuat turun bahan pengajaran seperti nota dan video yang telah di muat naik oleh guru. Perkara ini dipersetujui oleh Ting (2007), bahawa kekurangan kemudahan internet menjadi masalah utama dikalangan para pelajar. Tidak semua pelajar dapat mengakses tugas dan menghantar tugas yang diberikan oleh guru disebabkan masalah capaian internet ini. Terdapat juga pelajar yang terpaksa keluar dari rumah untuk mencari capaian internet yang baik.

Selain itu, terdapat juga halangan dari segi persekitaran pembelajaran seperti suasana rumah yang bising, tidak selesa dan adik beradik dirumah tidak membantu jika bertanya. Persekitaran pembelajaran sangat penting dalam menyokong susunan pembelajaran. Pollar & Hillage (2001) berpendapat bahawa pelajar bukan sahaja memerlukan sokongan tetapi juga memerlukan tempat untuk belajar tanpa gangguan. Hal ini menunjukkan persekitaran pelajar boleh diambil kira sebagai halangan dalam proses pembelajaran. Suasana rumah yang tidak kondusif seperti bising dan gangguan oleh adik beradik akan menyebabkan konsentrasi pelajar akan terjejas. Menurut Rohaty (2003), dalam kajian beliau yang menyatakan keluarga miskin atau yang mempunyai pendapatan yang rendah tidak dapat menyediakan peralatan pembelajaran serta suasana yang kurang selesa dirumah.

Terdapat juga pelajar yang terpaksa bekerja untuk membantu ibu bapa dan secara tidak langsung mereka tidak dapat membahagikan masa antara bekerja dan juga belajar. Situasi ini akan menyebabkan pelajar kehilangan fokus untuk belajar kerana mereka membuat banyak kerja dalam satu masa (Antin et.al, 2018). Sebenarnya dalam hal ini, pelajar perlu fokus dengan pembelajaran kerana PKP adalah bertujuan untuk pelajar berada dirumah. Walaubagaimana pun pelajar telah mengambil peluang ini untuk bekerja dan ada juga yang terpaksa bekerja kerana disuruh untuk membantu ibubapa. Rentetan itu, mereka tidak fokus dalam PdP secara dalam talian. Menurut Hamdan et.al (2011), Antara halangan yang akan dihadapi oleh pelajar yang bekerja secara sambilan ini adalah dari segi pengurusan masa. Para pelajar yang bekerja secara sambilan lazimnya kurang melibatkan diri dalam sesi pembelajaran kerana terikat dengan tuntutan kerja dan terpaksa mengabaikan tugas yang telah diberikan oleh guru.

KESIMPULAN

Penggunaan aplikasi Telegram dalam PdP secara dalam talian kini dilihat sebagai platform yang menjadi pilihan guru selain daripada *Google Classroom*, *WhatsApps* dan sebagainya. Maka tidak mustahil jika penggunaannya sesuai dalam proses PdP untuk semua peringkat iaitu dari peringkat pra sekolah hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini disebabkan kemudahannya yang mudah untuk di akses tanpa batasan masa dan tempat. Justeru, aplikasi Telegram boleh dianggap sangat relevan dalam proses PdP dengan kehadiran teknologi mudah alih masa kini terutamanya dalam era endemik COVID-19 ini.

Rujukan

- Ally, M. (2004). *Using Learning Theories to Design Instruction for Mobile Learning Devices*. Kertas prosiding MLEARN 2004, Rome, Italy.
- Ally, M., & Prieto-Blazquez, J. (2014). *What is the future of mobile learning in education? Mobile Learning Application in Higher Education* [Special Section]. *Revista de Universidad Sociedad Del Conocimiento*, 11(1), 142-151.
- Antin, A. & Kiflee, N. (2018). *Pengaruh Beban Tugas dan Motivasi Terhadap Keefisienan Kerja Guru Sekolah Menengah di Sabah*. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, Volume 3, Issue 2, 77-84
- Buchori, A., Setyosari, P., Dasna, W., Ulfa, S., Degeng, N.S., & Sa'dijah, C. (2017). *Effectiveness of Direct Instruction Learning Strategy Assisted by Mobile Augmented Reality and Achievement Motivation on Students Cognitive Learning Results*. *Asian Social Science*, 13(9), 137-144. Muat turun pada 20/11/2021 daripada <https://www.semanticscholar.org/paper/Effectiveness-of-Direct-Instruction-Learning-by-and-Buchori-Setyosari/eea6e94740b8fe3bf46f0b974f08fa643dce64ad>
- Desmond, K. (2002) *m-learning: The Cutting Edge*. Persembahan PowerPoint Ericsson Education 2002 Dublin. Muat turun pada 12/11/2021
- Hamdan, Abdul Rahim and Md Dali, Rafie (2011) *Pengurusan masa di kalangan pelajar program khas pensiswazahan guru besar (PKPGB)ambilan 1, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. *Journal of Science & Mathematics Education*. pp. 1-8. (Unpublished).

- Jenal, M. Z. (2017). *Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Sistem Rangkaian Media Sosial Telegram Sebagai Alat Pembelajaran Modul Matematik: Satu Tinjauan Kes di Kolej Komuniti Kuala Langat*. In eProceedings ICompEx17 Academic Paper.
- Kukukska-Hulme, A., & Traxler, J. (2005). *Mobile learning: a handbook for educators and trainers*. London, UK: Routledge
- Mahizer Hamzah (2006). *M-Pembelajaran: Era Baru dalam Pembelajaran. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional*, pp. 150 – 155. Johor Bahru: Fakulti Pendidikan, UTM
- Pedro, L.F.M.G., Barbosa, C.M.M., & Santos, C.M. (2018). *A critical review of mobile learning integration in formal educational contexts*. International Journal of Education Technology in Higher Education, 15(10), 2-15.
- Pilar, R.-A., Jorge, A., & Cristina, C. (2013). *The Use of Current Mobile Learning Applications in EFL*. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 103, 1189–1196.
- Rohaty, M.M. (2003). *Pendidikan Prasekolah: Cabaran Kualiti. Syarahan Perdana. Bangi: Penerbitan Malindo Sdn. Bhd.*
- Saedah Siraj, Vijaya Kumaran (2006). *M-Learning Module Design for Futuristic Secondary School Curriculum Implementation in Malaysia*. Kertas Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-19, Langkawi.
- Syed Lamsah Syed Chear, & Muhammad Yusoff Mohd Nor. (2020). *Intervensi Pembelajaran di Portal e-Pembelajaran Melalui Aplikasi WhatsApp dan Telegram Berdasarkan Model Lima Fasa Needham*. Evaluation Studies in Social Science. 9, 11-27. Muat turun pada 5/11/2021 https://www.researchgate.net/publication/348540956_Intervensi_Pembelajaran_di_Portal_e-Pembelajaran_Melalui_Aplikasi_Whatsapp_dan_Telegram_Berdasarkan_Model_Lima_Fasa_Needham_Learning_Intervention_in_e-Learning_Portal_Through_WhatsApp_and_Telegram_Bas.
- Syed Lamsah Syed Chear. (2017). *Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta (Teaching and Learning through WhatsApp and Telegram Application at a Private University)*. Jurnal Pendidikan Malaysia. JPM, Vol.42, No.2
- Wan Ya Shin, (2020). *Pendidikan Sepanjang Krisis COVID-19*. Institusi Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS).